



Nama : _____
 Gelaran : _____
 Jawatan : _____
 Organisasi : _____
 Alamat : _____

 Tel (Pej) : _____
 Tel (HP) : _____
 Fax : _____
 Email : _____
 Website : _____

Pendaftaran (Tandakan satu sahaja) :

- RM 70.00 (Pra pendaftaran, *sebelum/pada 15 Nov 2007*)
- RM 100.00 (Biasa)
- RM 20.00 (Sila kemukakan salinan kad matrik)

Kaedah Bayaran:

- Tunai
- Cek
(Bayar kepada:
"Bendahari UKM" (Seminar Pantun ATMA))



Pendaftaran awal <i>(sebelum/pada 15 Nov 2007)</i>	RM 70.00
Pendaftaran biasa <i>(6-7 Dis 2007)</i>	RM100.00
Pelajar	RM 20.00


**Bayaran boleh dibuat kepada
 "BENDAHARI UKM" (Seminar Pantun ATMA)**

**Borang Pendaftaran boleh juga di dapati di
 laman web ATMA www.atma.ukm.my**



Sekretariat
 Seminar Pantun Melayu 2007
 Institut Alam dan Tamadun Melayu
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi

Tel : (603) 8921 5280 / 8921 4166
 Fax : (603) 8925 4698
 Email : seminarpantun@gmail.com



SEMINAR PANTUN MELAYU: SEMALAM, HARI INI DAN ESOK



Tarikh : 6 – 7 Disember 2007

**Tempat : Dewan Persidangan
 PPPI UKM**

Anjuran
 Institut Alam dan Tamadun Melayu
 Universiti Kebangsaan Malaysia

www.atma.ukm.my

Pengenalan

Biarpun arus globalisasi melanda Alam Melayu dan meskipun gaya hidup masyarakat di Alam Melayu juga turut berubah mengikut keperluan dan trend masakini, pantun Melayu masih dapat didengari di dalam media elektronik, media massa, dan majlis-majlis formal dan tidak formal di rantau. Pantun adalah satu-satunya jenis puisi yang hidup dan dinamis dalam Alam Melayu. Ia diungkap secara bersahaja dan mengindahkan lanskap bahasa penuturnya dalam pelbagai konteks. Hingga hari ini jutaan pantun Melayu telah terhasil dan dibukukan serta sebahagian kecilnya telah didigitasikan tetapi akses kepada pantun Melayu yang sedia adalah terhadap oleh ruang fizikal dan masa. Hasil-hasil pantun yang hebat serta penciptanya tidak banyak diketahui oleh generasi muda hari ini.

Penghargaan ke atas tradisi lisan ini belum menjadi sebatik dalam darah daging generasi muda yang mampu menonjolkan jatidiri Melayu. Dalam memulihara tradisi lisan yang unik ini, ATMA merasa terpanggil untuk mendokumentasikan koleksi pantun klasik, pantun moden, pantun etnik (daerah/negeri) dan pantun kontemporer bagi merakyatkan tradisi lisan ini secara lebih tersusun dan lebih meluas. Adalah diharapkan seminar ini akan membantu melengkapkan usaha koleksi 1 Juta Pantun Melayu yang sedang diusahakan oleh ATMA. Sebahagian koleksi pantun sudah pun boleh diakses di portal Pengajian Melayu www.malaycivilization.com.

Objektif

- ◆ Mengumpul ahli pemikir serta pengamal pantun Melayu untuk menilai kedudukan pantun Melayu semalam, hari ini, dan esok
- ◆ Mendokumentasi maklumat mengenai sejarah dan budaya pantun dalam Alam Melayu
- ◆ Membina jaringan ilmu dan maklumat mengenai pantun Melayu
- ◆ Mengkhazanah pantun Melayu dalam bentuk digital untuk dirakyatkan

Sub-Tema

- Pantun dan sejarahnya
- Pantun dalam pemikiran serta jatidiri Melayu
- Pantun dalam adat resam rasmi Alam Melayu
- Pantun dalam linguistik Melayu
- Pantun dalam perayaan di Alam Melayu
- Pantun dalam dunia sains dan teknologi

Pembentang

Antara tetamu jemputan yang akan membentang kertas kerja ialah :

1. Pak Tenas Effendy (Tenas Foundation)
2. Prof. Dr. Mohamad Haji Salleh (Sasterawan Negara)
3. Tan Sri Aziz Stapa
4. Tuan Haji Chuari Selamat, RTM
5. Dr. Harun Mat Piah
6. DBP Malaysia
7. DBP Brunei

Kertas Kerja

Bilangan kertas kerja untuk pembentangan adalah terhad kerana seminar ini tidak bercadang mengadakan sesi pembentangan serentak. Hanya kertas kerja yang terpilih sahaja yang akan dibentangkan. Bagaimanapun, urusetia Seminar mengalu-alukan penyerahan makalah mengenai pantun yang belum diterbitkan lagi untuk tujuan penerbitan pascasidang dan buku sempena seminar ini. Makalah untuk buku akan diwasit.

Makalah hendaklah berasaskan kepada tema dengan berfokus kepada subtema seminar. Panjang makalah ialah antara 10-12 halaman, menggunakan fon Times Roman, saiz 11, dan ruang selang sebaris.

Makalah juga hendaklah ditulis dalam format penerbitan ilmiah yang lazim. Sumber rujukan hendaklah lengkap dan jelas.

Tarikh akhir penyerahan makalah untuk pembentangan dan prosiding adalah 15 November 2007. tarikh akhir penyerahan makalah untuk buku ialah 7 Disember 2007. Semua makalah dalam bentuk fail MS Word boleh dihantar terus kepada:

Sekretariat

Seminar Pantun Melayu 2007

Institut Alam dan Tamadun Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi

Atau e-mail kepada:

seminarpantun@gmail.com